

BERITA HARIAN, RABU, 26 APRIL, 1978

Saham untuk Bumiputera: Anjuran Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR, Selasa — Timbalan Perdana Menteri, Dato Sri Dr. Mahathir Mohamad menasihatkan pihak yang berhajat membeli saham-saham yang dikhaskan untuk Bumiputera supaya berhubung dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dengan seberapa segera yang boleh.

Katanya tawaran saham-saham yang dikhaskan itu telah diberikan kepada mereka yang berdaftar dengan kementerian berkenaan.

Bellau yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian berkata demikian semasa menggulung perbahasan atas titah diraja.

Mengenai saham syarikat-syarikat asing, kerajaan, katanya, menawarkannya kepada institusi-institusi Bumiputera dan juga orang perseorangan.

Yayasan pelaburan Bumiputera bertujuan membeli saham-saham syarikat-syarikat yang ingin mengeluarkannya kepada masyarakat Bumiputera, katanya.

"Kegiatan badan ini akan menentukan harga pasaran saham Bumiputera tidak jatuh dan pemegangnya dapat menjual balik dengan mudah dan harga yang berpatutan.

Kegiatannya juga akan menolong pasaran saham biasa yang semua kaum akan memperolehi nikmat.

Mengenai pelaburan, Dr. Mahathir Mohamad berkata adalah tidak benar kelembapan pelaburan di negara ini disebabkan oleh Akta Penyelarasan Perindustrian.

Menurut beliau sebagai buktinya pada tahun 1976 Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah menerima 394 permohonan pelaburan dan dari jumlah tersebut 183 permohonan untuk perkembangan.

Filem nasional

Manakala dalam tahun 1977 dari jumlah 429 permohonan yang diterima, 150 permohonan untuk perkembangan.

"Angka-angka ini menunjukkan pelabur mempunyai kepercayaan kepada Akta Penyelarasan Perindustrian dan saya ingin memberi jaminan kerajaan tidak akan mengambil apa-apa tindakan untuk menyekat ataupun menghalang perkembangan pelaburan di negara ini," katanya.

Dato Sri Dr. Mahathir berkata kerajaan bukan sahaja menggalak pelabur asing melabur di negara ini tetapi juga menggalak pelabur tempatan berbuat demikian.

Menurutnya memang tidak dapat dinafikan jumlah pelaburan di negara ini merosot dalam masa tiga tahun yang lepas kerana kemerosotan ekonomi dunia.

Bagaimanapun berbanding dengan negara-negara membangun yang lain yang cuba menarik pelaburan, pelaburan di Malaysia tidaklah mengecewakan kita.

Menyentuh Perbadanan Filem Nasional beliau memberitahu deraf awal undang-undang itu telah dibentangkan kepada Jemaah Menteri.

30 peratus

Katanya setelah dikaji terdapat beberapa kelemahan dalam deraf undang-undang itu dan Jemaah Menteri memerlukan satu deraf yang lebih sesuai dan kemas disediakan untuk pertimbangan.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, katanya, sedang menyediakan deraf baru dan deraf ini akan dipertimbangkan oleh pihak kerajaan secepat mungkin.

Bellau juga menje-



DR. MAHATHIR

kerajaan untuk memaksa ataupun mengarah pihak swasta memperuntukkan 30 peratus daripada kegiatannya kepada kaum Bumiputera.

Apa yang telah dilakukan oleh kerajaan, tegasnya, ialah meminta kerjasama sesuatu syarikat swasta yang ingin memperbesar perniagaan atau perusahaan mereka untuk memberi peluang kepada kaum Bumiputera mengambil bahagian.

Umpamanya, kerajaan tidak pernah memaksa syarikat-syarikat perniagaan melantik wakil-wakil pendedar Bumiputera sekiranya syarikat-syarikat tersebut telah mempunyai wakil-wakil pendedar mereka sendiri di satu-satu kawasan.

"Apa yang dilakukan oleh kerajaan ialah sekiranya sesuatu syarikat hendak melantik pendedar-pendedar baru di sesuatu kawasan maka peluang itu hendaklah diberi kepada kaum Bumiputera," katanya.

Mengenai penambahan lesen-lesen stesen minyak untuk Bumiputera menurut beliau terdapat 164 buah stesen minyak yang dipunyai oleh Bumiputera pada penghujung tahun 1977, dan 891 buah stesen dipunyai oleh bukan Bumiputera.